

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)23

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB KUMARAN KRISHNAN**

23. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk mewartakan cuti peristiwa negeri untuk Hari Deepavali kedua sebagai cuti tambahan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Berikut merupakan undang-undang yang menguatkuasakan cuti umum di Malaysia iaitu:

- (a) Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369) yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan Labuan;
- (b) Ordinan Hari Kelepasan (Bab 56 Sabah) di Sabah; dan
- (c) Ordinan Hari Kelepasan Am (Bab 8 Sarawak) di Sarawak.

Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369) telah menyatakan:

Seksyen 9. Hari Kelepasan Am Negeri dan Wilayah Persekutuan

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkan patut, menetapkan suatu hari untuk diterima sebagai hari kelepasan am Negeri dalam mana-mana Negeri itu, dan hari tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, diterima sebagai hari kelepasan am dalam Negeri tersebut.

Buat pada masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mewartakan cuti peristiwa negeri untuk Hari Deepavali kedua sebagai cuti tambahan. Walau bagaimanapun, bagi penjawat awam berketurunan India boleh mengambil cuti tambahan seperti yang telah ditetapkan dalam Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia bertarikh 5 November 2024.